

12/01/2003

`Saya belum buat keputusan surat Dr Ling'

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan beliau masih belum membuat keputusan berhubung surat peletakan jawatan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Perdana Menteri, berkata beliau hanya akan membuat keputusan apabila tiba masa sesuai dan selepas mengambil kira kepentingan kerajaan.

"Ini bukan pasal (kedudukan) Liong Sik, tetapi menggantikan seorang menteri yang mempunyai kedudukan penting adalah sukar.

"Jadi saya perlu fikir lebih dengan berhati-hati," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat kontijen Pengakap Dunia di Dewan Taklimat Bangunan Perdana Putra, di sini, semalam.

Dr Mahathir ditanya sekali lagi sama ada keputusan sudah dibuat berhubung keputusan Dr Ling melepaskan jawatan dalam Kabinet berikutan pelbagai spekulasi yang ditimbul di akhbar.

Berita Harian sebelum ini, melaporkan kegagalan Dr Ling menyelesaikan beberapa isu membabitkan MCA dan masyarakat Cina dipercayai antara factor mendorong beliau meletak jawatan dari Kabinet.

Malah, dua puak yang bertelagah dalam MCA dikatakan sudah mempunyai nama calon bagi menggantikan Dr Ling dan nama berkenaan akan diserahkan kepada Dr Mahathir.

Ketika ditanya sama ada puak berkenaan sudah menghantar nama calon itu, Dr Mahathir berkata: "Tidak...Tak ada calon (yang saya terima)."

Berita Harian kelmarin melaporkan Team B yang diketuai Timbalan Presiden MCA, Datuk Seri Lim Ah Lek dikatakan akan mencadangkan nama Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chan Kong Choy bagi mengisi kekosongan kuota menteri penuh MCA jika pengunduran Dr Ling diterima.

Satu lagi pilihan ialah mencadangkan nama Ah Lek sendiri dengan melantik bekas Menteri Sumber Manusia itu sebagai senator kerana beliau bukan Ahli Parlimen.